



TINJAUAN E-TUNAI RAKYAT DI SS2

SS2, Petaling Jaya, Selangor

Ucapan oleh

**YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA**

Khamis, 16 Januari 2020

YBhg. Dato' Mohd Sayuthi Bakar
Datuk Bandar Petaling Jaya

YBhg. Dato' Asri Hamidon,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)

Tuan-tuan dan puan-puan

Selamat pagi dan Salam Harapan,

PENGENALAN

1. Kerajaan semalam telah melancarkan program e-Tunai Rakyat di mana pihak Kerajaan memberikan RM30 wang percuma kepada sehingga 15 juta rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun.
2. Sebanyak RM450 juta telah diperuntukkan melalui Belanjawan 2020 untuk membiayai inisiatif e-Tunai Rakyat ini, seperti yang diumumkan pada 11 Oktober 2019.
3. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mempercepatkan proses digitalisasi ekonomi Malaysia. Berdasarkan kepada angka Jabatan Perangkaan Malaysia, 18.5% daripada keluaran dalam negara kasar Malaysia disumbangkan oleh ekonomi digital. Antara usaha digitalisasi lain termasuklah pelaburan RM21.6 bilion bagi merealisasikan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan yang akan meluaskan lagi internet jalur lebar berkelajuan tinggi pada harga yang berpatutan.

4. RM30 wang percuma daripada Kerajaan ini boleh didapati melalui satu daripada tiga e-dompet yang menyertai program ini, iaitu GrabPay, Boost dan Touch 'n Go e-Wallet. Semua pengendali edompet tersebut juga memberi insentif tambahan ke atas RM30 tersebut. Touch 'n Go sebagai contoh menambahbaik pemberian RM30 daripada Kerajaan dengan insentif tambahan RM30. Ini menjadikan nilai besar e-Tunai Rakyat daripada e-dompet tersebut sebagai RM60.

TINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM

5. Saya telah mendapat laporan bahawa sambutan rakyat terhadap inisiatif Belanjawan 2020 ini adalah sangat memberangsang. Setakat pukul 9 semalam, kira-kira 380,000 permohonan e-Tunai Rakyat diterima dan kira-kira 320,000 daripadanya telah diluluskan. Angka ini dijangka akan bertambah, terutamanya apabila sistem e-dompet ini stabil.

6. Saya telah mendengar beberapa rungutan pada hari pertama tentang masalah sistem yang dihadapi oleh orang ramai semasa menuntut insentif RM30 tersebut. Di sini, saya ingin mengingatkan semua pengendali e-dompet untuk mempertingkatkan keupayaan anda dengan segera bagi membolehkan penerima e-Tunai Rakyat untuk menerima dan membelanjakan wang percuma mereka dengan mudah dan selesa.

7. Peningkatan keupayaan adalah penting bukan sahaja bagi menjayakan insentif e-Tunai Rakyat, tetapi juga bagi memastikan ekonomi digital Malaysia mampu berkembang dengan mampan.

TINJAUAN DI SS2

8. Selain daripada kemampuan sistem, *user experience* yang memuaskan adalah penting bagi meyakinkan pengguna baharu, sama ada di kalangan pembeli atau peniaga, untuk kekal menggunakan sistem pembayar digital.

9. Tanpa pengalaman yang baik, ramai akan terus menggunakan wang tunai untuk menjalankan aktiviti seharian mereka. Ini akan menjejaskan usaha untuk meluaskan ekonomi digital di Malaysia.

10. Ini adalah antara sebab saya membuat tinjauan ke SS2 pada pagi ini. Saya akan melakukan beberapa tinjauan lagi di kawasan-kawasan lain bagi memantau kemajuan program e-Tunai Rakyat.

11. Sebentar tadi, saya telah menyaksikan beberapa aktiviti jual-beli yang melibatkan pengusaha kecil. Transaksi tersebut telah berlangsung dengan pantas dan mudah.

12. Ini membuktikan bahawa pembayaran digital tidak terhad untuk restoran-restoran besar, tetapi juga boleh digunakan di gerai-gerai yang menjual nasi campur dan kuih-muih yang lazat.

MENGECILKAN JURANG DIGITAL

13. Program e-Tunai Rakyat bukan sahaja bertujuan untuk mengajak 15 juta rakyat Malaysia untuk menggunakan sistem e-dompet. Ia juga bermatlamat untuk meyakinkan lebih banyak peniaga kecil untuk menggunakan sistem pembayaran digital.

14. Saya menyarankan semua peniaga untuk segera berdaftar dengan pengendali e-dompet supaya mereka meraih manfaat daripada program e-Tunai Rakyat yang ditaja oleh Kerajaan Malaysia.

15. Penyertaan anda akan membantu usaha Kerajaan untuk mengurangkan jurang digital di antara peniaga kecil dan syarikatsyarikat besar, dan antara bandar dan luar bandar.

16. Pada masa yang sama, saya berharap supaya Boost, GrabPay dan Touch 'n Go akan melipatgandakan usaha untuk meluaskan penggunaan pembayaran digital di kalangan peniaga kecil, dan bukan saja dalam bandar tetapi juga di luar bandar.

PENUTUP

17. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan inisiatif e-Tunai Rakyat ini. Kepada yang belum lagi menuntut e-Tunai Rakyat, silalah berbuat demikian dengan segera.

Terima kasih.